

26/04/1999

Rakyat diminta tidak salah guna IT

KUALA LUMPUR, Ahad - Rakyat perlu mengekalkan adat kesopanan timur serta tidak menyalahgunakan kemudahan teknologi maklumat (IT) ketika meneroka alam siber, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, penggunaan IT hendaklah dibuat dengan penuh rasa tanggungjawab, supaya ia boleh memberi faedah kepada semua.

"Dalam keghairahan menerokai alam siber, kita hendaklah tidak melupakan adat kesopanan timur. Jangan sekali-kali teknologi maklumat dijadikan alat untuk menyebarkan fitnah, memburukkan negara serta mencetuskan huru-hara.

"Sehubungan itu, penggunaannya hendaklah dengan rasa penuh tanggungjawab supaya ia memberi faedah untuk semua," katanya dalam kata-kata aluan pada buku cenderamata sempena pelancaran Larian Cintai IT 2000 di Dataran Merdeka, di sini hari ini.

Larian Cintai IT 2000 itu dianjurkan oleh Persatuan Bekas Pelajar-Pelajar ITM Malaysia dengan tujuan menyemai budaya cinta IT di kalangan rakyat terutama generasi muda.

Abdullah berkata, alaf baru yang akan dilalui akan menjadi abad yang mencabar kerana kejayaan sesuatu bangsa dan negara bergantung kepada sejauh mana penguasaan IT oleh rakyat.

"Teknologi maklumat menjadikan dunia semakin kecil dan tanpa sempadan. Sehubungan itu untuk memastikan kita tidak ketinggalan dalam alaf siber ini, kita tidak harus berpuas hati sebagai pengguna saja, tetapi hendaklah mampu menciptanya," katanya.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam kata-kata aluannya pula berkata kerajaan akan sentiasa bersikap proaktif supaya usaha membangunkan teknologi maklumat (IT) di negara ini, dipercepatkan dengan pembabitan sektor swasta.

Menurut Perdana Menteri, bagi memastikan usaha kerajaan mencapai kejayaan dan manfaat kepada rakyat, budaya IT harus diterapkan ke setiap jiwa rakyat Malaysia.

(END)